

Saingan sengit di 17

UM 14 APR 2001

Oleh ISMAIL DAUD
dan YUSRI SAHAT

KUALA LUMPUR 13 April — Kira-kira 17 bahagian UMNO bakal menyaksikan persaingan sengit bagi merebut jawatan ketua bahagian pada pemilihan yang dijadualkan berlangsung esok dan Ahad ini.

Antara bahagian itu ialah Pasir Salak, Lumut, Gopeng dan Tapah di Perak, Jempol dan Kuala Pilah di Negeri Sembilan, Sungai Petani, Jerlun, Yan, Kubang Pasu dan Padang Terap di Kedah, Kota Melaka dan Jasin di Melaka, Parit Sulong di Johor, Hulu Langat di Selangor, Kota Belud dan Beaufort di Sabah.

Paling 'panas' dijangka berlaku di Pasir Salak apabila penyandang Ketua Bahagian, Tan Sri Ramli Ngah Talib dijangka dicabar timbalannya, Tan Sri Megat Junid Megat Ayob dalam mesyuarat bahagian itu, Ahad ini.

Pemerhati politik menyifatkan pertembungan dua gergasi politik Perak itu sebagai pertandingan paling sengit dalam sejarah UMNO Perak pada pemilihan kali ini.

Sehingga kini, Ramli menerima 74 pencalonan untuk mempertahankan jawatan itu manakala

Megat Junid menerima 27 pencalonan.

Megat Junid dijangka meneruskan hasrat untuk mencabar Ramli kerana jawatan timbalan ketua bahagian yang disandangnya sudah terlepas ke tangan Tajudin Rahman.

Bagaimanapun, Megat Junid juga dianggap 'tidak rugi apa-apa' sekiranya tewas dalam perebutan itu.

Turut menarik perhatian ialah persaingan dalam UMNO bahagian Gopeng yang menyaksikan penyandangannya, Mustapha Kamal Nawi diberi tentangan sengit oleh Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Aziz Shamsuddin.

Mustapha Kamal yang mempertahankan jawatannya kini ketinggalan dua pencalonan berbanding lawannya yang menerima 28 pencalonan.

Dicabar

Persaingan sengit juga dijangka berlaku di Tapah apabila ketua bahagian yang juga anggota Exco kerajaan negeri, Datuk Azman Mahalan dijangka dicabar oleh Ketua Pemudanya, Pazli Abdullah Sani.

Azman sentiasa dicabar dalam setiap kali pemilihan bahagian tetapi berjaya melepasi rintangan te-

rsebut walaupun kadangkala dengan tindakan-tindakan yang agak kontroversi.

Seorang lagi Ketua Pemuda bahagian di Perak yang mahu mencabar ketua bahagian ialah Ketua Pemuda Lumut, Dr. Zambry Abdul Kadir.

Beliau yang mendapat 12 pencalonan dijangka mencabar penyandang ketua bahagian itu sekarang, Datuk Mohamad Wajdi Ishak.

Hasrat Dr. Zambry itu menarik perhatian banyak pihak termasuk Menteri Besar Perak sendiri yang meminta supaya Dr. Zambry menarik diri daripada mencabar Mohamad Wajdi.

Di Negeri Sembilan, UMNO bahagian Jempol menyaksikan pertandingan 'ulangan' membabitkan penyandang jawatan, Datuk Lilah Yassin bersaing dengan Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Khalid Yunus.

Turut mendapat perhatian ialah UMNO bahagian Kuala Pilah apabila ketua bahagian itu, Datuk Abu Zahar Nika Ujang berdepan dengan Ahli Dewan Undangan Negeri Senaling, Ismail Lasim.

Di bahagian Tampin, Ketua Pemuda UMNO bahagian itu yang juga Ahli Parlimen Tampin, Shaziman Mansor mahu

mencuba nasib memegang jawatan itu yang dikosongkan Datuk Waad Mansor.

Shaziman bagaimanapun akan menghadapi saingan dengan Mohd. Yassin Bakar yang memangku jawatan Ketua UMNO bahagian Tampin.

Di Kedah, beberapa bahagian turut menjanjikan persaingan menarik terutama di Padang Terap, Yan, Sungai Petani, Jerlun dan Kubang Pasu.

Dua bahagian menyaksikan pertandingan tiga penjuror manakala selainnya satu lawan satu.

Bekas Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Affifuddin Omar yang merupakan Ketua UMNO bahagian Padang Terap

bahagian UMNO

Mohd. Khir Shafie, Ahad ini.

Satu lagi pertandingan tiga penjuvu berlangsung dalam UMNO bahagian Jerlun antara ketua bahagian itu, Hanafi Ramli dicabar oleh timbalannya yang juga bekas Exco kerajaan negeri, Abdul Rahman Ariffin dan Abu Hassan Sharif.

UMNO bahagian Kubang Pasu, seperti yang dijangka, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad tidak menghadapi sebarang masalah apabila menang tanpa bertanding.

Bagaimanapun, timbalannya, Tan Sri Osman Aroff yang merupakan Wakil Peribadi Perdana Menteri di Kubang Pasu bakal menerima tentangan sengit daripada bekas Setiausaha Politik Perdana Menteri, Datuk Saad Man yang menawarkan diri untuk merebut jawatan Timbalan Ketua UMNO bahagian tersebut.

Sementara itu, di Melaka, Ketua UMNO bahagian Kota Melaka, Amid Nordin dicabar bekas Ketua Menteri negeri itu, Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik yang dikatakan cuba melakukan kebangkitan kali ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Abu Zahar Isnin pula dilihat menghadapi masalah apabila meneri-

ma tentangan hebat daripada Exco kerajaan negeri, Datuk Ahmad Hamzah bagi merebut jawatan Ketua UMNO bahagian Jasin.

Ahmad menerima 40 pencalonan manakala Abu Zahar memperoleh 13 pencalonan.

Tentang

Di bahagian Hulu Langat, Selangor, penyandang jawatan yang juga Timbalan Menteri Besar, Datuk Dr. Zainal Abidin Ahmad akan ditentang oleh ahli jawatankuasa bahagian, Ahmad Kuris Mohd. Nor. Kedua-dua calon itu mempunyai peluang 50-50 untuk menang.

Kedudukan Ketua UMNO bahagian Parit Sulong, Johor, Datuk Ruhanie Ahmad turut tercabar dengan kesediaan anggota Exco kerajaan negeri Johor, Ahmad Zahari Jamil yang menawarkan diri untuk bertanding merebut jawatan berkenaan.

Banyak pihak yang menunggu persaingan di bahagian-bahagian tersebut yang dianggap antara yang paling sengit di seluruh negara.

Pemilihan bahagian-bahagian kali ini turut menjadi perhatian kerana timbulnya dakwaan terdapat amalan politik

wang dan beberapa taktik lain termasuk memindahkan lokasi mesyuarat cawangan.

Di Sabah, pertandingan di Libaran sudah diketahui apabila ketua bahagian, Datuk Musa Aman yang dicabar oleh Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Hassan Alban Sandukong, berjaya mempertahankan jawatan itu.

Pemerhati politik melihat faktor pelantikan Musa sebagai Menteri Kewangan Negeri banyak membantu kemenangannya itu.

Di Kota Belud, ketuanya yang kini dilantik ke dalam kabinet negeri, Datuk Salleh Tun Said dijangka ditentang oleh Ahli Dewan Undangan Negeri Tempasuk, Musbah Jamil dan ahli perniagaan, Awadnir Mattangal.

Di Beaufort, penyandang ketua, Datuk Lajim Ukim masih memerhati sama ada Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman akan mencabar beliau.

Anifah juga dicalonkan untuk jawatan timbalan ketua bahagian.

Lajim yang juga merupakan Timbalan Ketua Menteri dijangka menerima laluan dari Anifah yang dikatakan lebih berminat dengan jawatan timbalan.

bakal dicabar timbalannya, Datuk Ghazali Ibrahim yang juga bekas Exco kerajaan negeri.

Ketua Pemuda bahagian Yan, Mohd. Suhaimi Bakri pula mencuba nasib untuk bertanding bagi merebut jawatan Ketua UMNO bahagian Yan bagi menyaingi kehebatan Ketua UMNO bahagian tersebut, Datuk Badaruddin Amiruldin.

UMNO bahagian Sungai Petani menyaksikan pertandingan tiga penjuvu apabila penyandang jawatan, Ibrahim Mustapha dicabar oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Datuk Mahadzir Mohd. Khir dan Timbalan Ketua UMNO bahagian itu,